

Ireka lancar 4 projek hartanah

» Pembangunan di Jalan Kia Peng, Nilai dengan GDV RM1.9 bilion

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Ireka Corporation Bhd, pemaju dan pengurus hotel The Westin Kuala Lumpur, akan melancarkan empat projek hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.9 bilion dalam tempoh lima tahun.

Pengarah Eksekutifnya, Lai Voon Hon, berkata dua daripadanya iaitu hotel butik dan kediaman perkhidmatan di Jalan Kia Peng serta projek kediaman di Nilai, akan dilancarkan pada suku keempat tahun ini.

"Kami sekarang di peringkat perancangan akhir bagi projek hotel butik dan kediaman servis 200 unit yang terletak berhampiran Pusat Konvensyen Kuala Lumpur itu.

"Komponen kediaman disasarkan khusus kepada berpendapatan tinggi, manakala hotel butik pula direka khusus untuk pengembara perniagaan.

Projek usaha sama

"Hotel butik akan dijual pada asas 'jual-dan-sewa balik' yang mana ia akan diuruskan oleh pengendali hotel antarabangsa," katanya sambil menambah projek itu adalah usaha sama 30:70 antara Ireka dan Aseana Properties Ltd.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Ireka di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pengerusi Ireka, Ir Abdullah Yusof; Pengarah Urusan Kumpulannya, Lai Siew Wah dan Pengarah Eksekutifnya, Lai Voon Huey.

Aseana Properties adalah syari-

kat bersekutu Ireka yang disenarai-kan di Pasaran Saham London.

Voon Hon berkata, 142 unit rumah berkembar Kasia Greens di Nilai disasarkan kepada pembeli kediaman pertama, khususnya graduan universiti.

Projek itu terletak di hab pendidikan Nilai dan berhampiran kemudahan asas seperti pasar raya besar, padang golf dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, katanya.


Dalam tahun kewangan 2012, segmen pembinaan Ireka sudah menyiapkan beberapa projek utama termasuk SENI Mont' Kiara; Lebuhraya Linkedua Kulai; dan pakej kerja untuk City International Hospital di Ho Chi Minh City, Vietnam.

Kumpulan itu mempunyai kontrak bernilai RM745 juta yang mana kira-kira RM400 juta membabitkan projek baru dan mampu bertahan selama dua tahun akan datang, katanya.

Projek sedang berlangsung lain termasuk pembinaan dua menara pejabat dan satu belok hotel di KL Sentral; pangapuri perkhidmatan serta menara pejabat di Puteri Harbour, Iskandar Malaysia.

Menyentuh segmen teknologi kumpulan itu, beliau berkata pusat data Tingkat-3 SAFEHOUSE dijangka beroperasi sepenuhnya Oktober depan.

Pusat data yang mendapat kerjasama IBM itu menawarkan perkhidmatan penempatan semula, pengurusan dan penemuan semula data, katanya.



Abdullah (dua dari kanan) bersama Siew Wah (dua dari kiri), Voon Hon (kiri) dan Pengarah Eksekutif Ireka Corporation, Monica Lai melihat buku laporan tahunan AGM Ireka Corporation di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]